

21 JAN 1998

MTEN

MTEN MULA BERGERAK ESOK UNTUK MENANGANI MASALAH EKONOMI

Oleh: E. Sivabalan

KUALA LUMPUR, 21 Jan (Bernama) -- Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) mula bergerak esok apabila ia mengada mesyuaratnya yang pertama bagi mencari jalan dan strategi untuk menangani kegawatan ekonomi yang melanda negara sekarang.

Dengan diketuai sendiri oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, anggota-anggota majlis itu, yang hanya akan diketahui komposisi penuhnya esok, akan memerah otak masing-masing untuk memikirkan mengenai langkah-langkah menyeluruh atau satu "pakej" bagi memulihkan keyakinan pelabur terhadap matawang dan pasaran saham negara yang mengalami kemerosotan teruk.

MTEN dijangka merangka kerjanya berasaskan kepada lima langkah yang digariskan oleh Dr Mahathir baru-baru ini bagi menterjemahkan strategi-strategi negara kepada daya saing dalam pasaran global.

Strategi-strategi itu ialah mengawal harga dan perbelanjaan domestik melalui pengurangan import dan pengurangan pembaziran tukaran asing; mengoptimalkan eksport bagi menghapuskan defisit akaun semasa dan sebaliknya menjanakan kelebihan imbalan perdagangan; meningkatkan produktiviti dan kualiti bagi mewujudkan pendapatan lebih untuk produk Malaysia; mempertingkatkan pengetahuan dan kecekapan rakyat; dan menghapus gejala rasuah yang menjejaskan pembangunan negara.

Memandangkan ini pertama kali MTEN bersidang sejak penubuhannya diumumkan Dr Mahathir pada 20 Nov tahun lepas, para penganalisa berkata mesyuarat itu akan mendapatkan pendapat-pendapat para anggotanya mengenai status ekonomi semasa.

Sementara Dr Mahathir bertindak sebagai pengerusi MTEN manakala Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai timbalan pengerusinya, tugas melaksanakan dasar-dasar dan keputusannya terjatuh ke atas mahu Penasihat Ekonomi Kerajaan Tun Daim Zainuddin.

Sebagai pengarah eksekutif MTEN, Daim yang juga bekas Menteri Kewangan, akan mempunyai kuasa penuh untuk melaksanakan keputusan-keputusan yang oleh majlis itu.

Anggota-anggota lain majlis itu termasuk beberapa menteri Kabinet, antaranya, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob.

Yang lain termasuk wakil-wakil kesatuan sekerja dan pertubuhan pengguna, pakar ekonomi dan kewangan serta tokoh-tokoh korporat.

Sementara itu para Menteri Besar dan Ketua Menteri akan bertindak sebagai pengerusi MTEN peringkat negeri masing-masing. Mereka, termasuk Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, akan hadir pada mesyuarat pertama MTEN esok.

Dr Mahathir telah berkata matlamat utama MTEN ialah untuk menentukan pemulihan Malaysia dari kegawatan ekonomi sekarang berikutan kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham.

Majlis itu, katanya, diberi kuasa oleh Kabinet untuk memutuskan perkara-perkara berkaitan dengan ekonomi negara. Ia akan mengemukakan laporan dari semasa ke semasa kepada Kabinet.

Selasa lepas, Dr Mahathir berkata MTEN akan membincangkan kenaikan harga barang-barang keperluan yang disebabkan penurunan nilai ringgit

berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS).

Perdana Menteri berkata langkah-langkah yang akan diambil oleh MTEN tidak akan terlalu menekankan unjuran pertumbuhan ekonomi kerana yang lebih penting ialah menjadikan Malaysia lebih kompetitif dalam pasaran.

Belas Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Musa ada berkata bahawa beliau berharap MTEN akan "melihat masalah Malaysia dengan secara sewajarnya".

Beliau berpendapat apa yang tidak perlu ialah menawarkan penyelesaian sedikit demi sedikit yang katanya bukan sahaja tidak baik untuk memulihkan keyakinan rakyat dan masyarakat perniagaan tetapi juga mengelirukan.

MTEN membawa harapan tinggi untuk mendapat pendekatan-pendekatan baru bagi menggiatkan semula ekonomi Malaysia berpandukan pengajaran dan kewajaran yang diperolehi dari krisis serantau yang bermula dengan kejatuhan baht Thailand pada Julai dan kesan jangkitannya selepas itu. --
BERNAMA

ES WAT